

INSPIRASI 'FRONTLINERS'

Rasid siapkan jentera kustom dua tahun penuh cabaran

Oleh Lizam Ridzuan

lizamridzuan@hmetro.com.my

"**Tidur** di jalanan dan di tepi dewan pameran adalah perkara biasa buat saya demi minat dalam menghasilkan jentera binaan khas (kustom)".


Itu perkongsian Abd Rasid Ismail, 52, pemilik 'Acid Welding' yang menghasilkan kerja kimpalan termasuk motosikal kustom yang sentiasa berjimat demi memastikan dana yang ada boleh digunakan untuk menghasilkan jentera binaan khas terbaik.

Abd Rasid adalah peserta 'Invitational Bike Build Off 2022' acara permotoran tempatan Art Of Speed 2022 yang diadakan baru-baru ini.

Pada acara berkenaan, Abd Rasid menghasilkan sebuah motosikal daripada keluli tahan karat.

Itu adalah penyertaan kali keenam Abd Rasid dan dia sentiasa berusaha mencabar keupayaan diri untuk mencipta sesuatu yang berbeza.

Projek pembinaan motosikal Abd Rasid yang diberi gelaran 'Frontliners'



HASIL kerja tangan berkualiti tinggi.



CIRI unik dengan spring dedaun.



KROM sepenuhnya daripada asal.

itu dimulakan pada awal 2020 namun Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dikenakan sedikit sebanyak memberi cabaran tersendiri, terutama untuk mendapatkan bahan keluli, gas dan material untuk dibangunkan.

“Ketika PKP, saya kerap mendengar perkataan ‘frontliners’, ia menjadi sumber inspirasi dalam menyiapkan jentera ini yang sepenuhnya buatan tangan.

“Selain mendapat idea daripada pelbagai sumber, setiap motosikal kustom yang dihasilkan mestilah lebih baik daripada yang sebelumnya,” katanya yang



SUSPENSI tunggal serlah keunikan.



UNIK dan cipta kelainan kejuruteraan.

berasal dari Batu Pahat, Johor.

Dibantu oleh anaknya, Amirul Azwan, 26, ia bermula dengan lakaran dan menyusun bahan yang ada di kawasan persekitaran rumahnya sebelum kerja membangunkan kerangka bermula.

Enjin pula diambil daripada motosikal Nitro berkuasa 150cc manakala spring dedaun adalah elemen utama pada motosikal ini dan ia juga komponen paling sukar untuk dipasang.

“Spring dedaun itu perlu diseimbangkan dengan baik sebelum ia boleh dipasang pada kerangka. Tayar dan roda diambil daripada stok tayar simpanan.

“Keluli tahan karat ini dilentur menggunakan tangan. Kos menghasilkan Frontliners pula sekitar RM2,000. Sekiranya saya memiliki dana lebih besar, maka lebih banyak elemen boleh direka,” katanya.

Menurut Abd Rasid, ada pelanggan yang mahu melakukan modifikasi pada motosikal, namun dia lebih gemar membina sesuatu yang baharu daripada yang sedia ada.

Bagi perancangan masa hadapan, Abd Rasid akan terus menyertai acara permotoran dalam mempersembahkan hasil binaannya.

“Saya akan berusaha menghasilkan motosikal binaan khas yang lebih baik,” katanya.

RASID bersama jentera kustomnya.